

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, 3 April, 2019 12:00 PM
To: UUM - All Staff
Subject: Kikis Sikap Negatif Untuk Berjaya



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

03 APRIL 2019 / 27 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KIKIS SIKAP NEGATIF UNTUK BERJAYA



UUM ONLINE: Sikap negatif yang sering dikaitkan dengan tabiat asal-usul orang Melayu perlu dikikis untuk berjaya.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Prof. Dr. Sudin Haron berkata tujuh tabiat tersebut yang beliau gelarkan *Sudin's Seven T's* iaitu **Tengok, Teringin, Tak berusaha, Tunggu, Tak dapat, Tak mengapa dan Takdir.**

"Sikap negatif ini sudah sebatikan dalam diri masyarakat Melayu dan ianya harus dibuang kerana menjadi penghalang untuk kita mencapai sesuatu kejayaan tidak kira dalam apa jua bidang," tegas beliau pada Perasmian Penutup Bengkel Pembangunan Modal Insan anjuran Unit Pengajian Lanjutan, Jabatan Pendaftar di TH Hotel and Convention Centre, Alor Setar.

Kira-kira 80 pensyarah dan tutor yang telah tamat cuti belajar tetapi belum mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) terlibat dalam bengkel selama tiga hari yang berlangsung dari 31 Mac hingga 2 April.

Menurut Dato' Prof. Dr. Sudin, peserta bengkel tersebut harus percaya bahawa mereka adalah insan bertuah dan berbakat.

"Saya percaya tidak ada orang yang malas dalam dunia ini tetapi kurang motivasi dan tidak diberi sokongan secukupnya. Cabaran yang dihadapi dalam meniti perjalanan menamatkan pengajian PhD perlu dilihat dari sudut positif dan jangan berputus asa.

"Universiti sedia membantu dan akan memberi sokongan sewajarnya, di samping melihat kembali bantuan sebagaimana yang perlu diberi kepada pensyarah dan tutor yang mempunyai masalah menamatkan pengajian PhD," ujarnya.

Beliau juga berkongsi pengalamannya melanjutkan pengajian PhD termasuk terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk membentangkan kertas kerja di luar negara.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.